

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 FEB 2015



NAJIB TUN RAZAK menyambut ketibaan **Joko Widodo** di perkarangan Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. Najib dan **Joko** yang lebih dikenali sebagai **Jokowi** dijadual menghadiri mesyuarat delegasi sebelum mengadakan sidang akhbar bersama. - BERNAMA

Kendali proses masuk pembantu rumah Indonesia – PM

Hanya guna satu saluran rasmi

2100/um - 7/2/2015

Oleh **SAIFULIZAM MOHAMAD** dan **SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 6 FEB.

MALAYSIA dan Indonesia ber-setuju menggunakan satu saluran rasmi sahaja dalam mengendalikan proses kemasukan pembantu rumah dari republik itu ke negara ini seperti yang ditandatangani di Bali semasa pemerintahan bekas Presidennya, Susilo Bambang Yudhoyono sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sehubungan itu berkata, beliau dan Presiden Indonesia, Joko Widodo mahu menteri-menteri yang terlibat dalam perkara tersebut meneruskan perbincangan mereka supaya langkah itu dapat dilaksanakan.

Najib berkata, sejak perjanjian

itu ditandatangani didapati saluran rasmi tersebut tidak digunakan sepenuhnya dan sehingga kini hanya lebih 4,000 pembantu rumah Indonesia yang bekerja di negara ini menggunakan saluran berkenaan.

“Sementara 105,000 pembantu rumah yang dibawa masuk untuk bekerja di Malaysia menggunakan saluran tidak rasmi,” katanya dalam sidang akhbar bersama dengan Joko atau Jokowi sempena lawatan rasminya selama tiga hari ke Malaysia di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, langkah tersebut juga mampu menjaga kepentingan pembantu rumah Indonesia selama mereka bekerja di negara ini.

“Melalui langkah sedemikian maka kepentingan pembantu rumah (Indonesia) terpelihara dan

kita juga boleh memastikan mereka mendapat latihan yang mencukupi di samping itu mereka boleh diberi perlindungan apabila mereka bekerja di Malaysia,” katanya lagi.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata, kerajaan Sarawak ber-setuju mewujudkan sekolah Indonesia khusus untuk anak-anak pekerja dari republik itu yang berada di negeri berkenaan.

“Di Sabah telah ada 50 buah sekolah Indonesia dan kerajaan Sarawak telah memberi persetujuan supaya diwujudkan sekolah-sekolah yang sama di negeri tersebut.

“Jadi dengan ini apa yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) bahawa hak kepada pendidikan adalah satu hak universal sememangnya hak yang tidak boleh kita nafikan,” katanya lagi.